

**LAPORAN POLIS NGO**  
**Chedet.cc**  
**12 February 2017**  
**Tun Dr Mahathir Mohamad**

1. Saya amat gembira dengan report polis terhadap saya kerana kononnya membuat kenyataan yang tidak berasas berkenaan Forest City di Gelang Patah yang menelan belanja berbillion Ringgit.
2. Walaupun bodoh tetapi laporan polis yang dibuat berjaya menarik perhatian kumpulan yang pekak, buta dan tuli (PBT). Saya akan membuat penjelasan yang lebih panjang dan mempamerkan fakta-fakta berkenaan projek ini apabila saya dihadapkan ke mahkamah.
3. Yang saya hairan ialah kenapa orang PBT ini tidak report kepada polis akan laporan dalam beberapa akhbar oleh Bloomberg, sebuah agensi berita berkenaan ekonomi.
4. Besar kemungkinan puak PBT ini tidak baca, atau kalau baca sekalipun tidak faham. Yang dilapor oleh Bloomberg lebih dari yang saya sebutkan dalam ucapan saya.
5. Sekarang selepas saya jelaskan asas dakwaan saya, buatlah laporan polis terhadap Bloomberg. Tetapi saya yakin mereka tidak berani. Tujuan laporan mereka terhadap saya bukan diasaskan kepada kenyataan saya itu tidak betul. Laporan dibuat untuk menghentikan saya dari bercakap benar. Dalam Malaysia sekarang ini kebenaran amat ditakuti. Pembohongan disanjung tinggi.
6. Saya syorkan NGO-NGO ini membuat lawatan ke Forest City untuk melihat dengan mata kepala sendiri keadaan di Bandaraya berkenaan. Cuba sahkan penduduk dan pembeli bangunan-bangunan di sini terdiri dari orang tempatan, terutama orang Melayu.
7. Sahkan juga bahawa tanah ini disewa dan bukan dimiliki kekal seperti yang tertulis di papan tanda yang didirikan dan siaran kepada bakal pembeli dari Cina.
8. Dahulu, di waktu kita kurang bijak, Singapura telah dijual ke British. Sekarang ini Singapura menjadi negara asing yang tidak mungkin dikembalikan kepada Johor.
9. Penjualan tanah untuk dibangun dan diduduki oleh orang asing selama-lamanya tidak banyak berlainan dengan penjualan Singapura.
10. Malangnya PBT tak mungkin faham implikasi penjualan tanah Johor ini. Jauh sekali dari menyamakannya dengan Singapura.
11. Nasib baik lebih ramai rakyat Johor yang boleh faham tentang masalah penduduk asing yang akan berada di Johor selama-lamanya. Tidak ada mana-mana negara di dunia yang sanggup menerima kemasukan ramai orang asing ke negara mereka.
12. Amerika dengan penduduk seramai 325 juta pun menolak kemasukan orang Mexico dan oleh Trump, orang Islam.
13. Di Palestin, pembinaan bandar-bandar untuk orang Yahudi di tanah milik orang Palestin ditentang oleh mereka. Di Eropah kemasukan pelarian dari Syria dan lain-lain negara Arab dan Afrika dihalang oleh mereka.

14. Jika majoriti rakyat Johor menolak Forest City dengan kemasukan orang asing, pendirian mereka tidak sedikitpun berbeza dari pendirian bangsa-bangsa lain terhadap kemasukan beramai-ramai orang asing untuk tinggal di negara mereka.

15. Sesungguhnya NGO-NGO ini mengkhianati bangsa dan negara kerana menyokong penjualan wilayah di Malaysia kepada orang asing yang akan mendirikan bandar-bandar mewah diduduki dan dimiliki selama-lamanya oleh mereka.

14 thoughts on "LAPORAN POLIS NGO"



1. [Log in to Reply sibotak](#) Feb 14, 2017 6:50 PM

Ini kenyataan bukan Andaian atau saja nak bikin runsing

Singapura contoh terdekat

Lee Kuan Yew berjaya menukar sejarah Singapura

Nama sekolah Melayu , Tun Sri Lanang , Maju , Sang Nila Utama

Nama Jalan Melayu hanya tinggal di kira Jari

Estate perumahan , sekolah , Jalan Raya semuanya sudah tukar milik malah tukar nama dan sejarah

Nama sekolah kini Gonshang ,Shunqun Pei Tong dan apa lagi saya tak tahu

Hingga satu ketika Madrasah juga mahu di bubarkan oleh kerajaan Singa

Kononya masa depan untuk Madrasah kurang Cemerlang

Lama kelamaan Madarasah yg di Wakaf akan bertukar jadi milik Kerajaan

Lee Kuan Yew juga mengatakan orang Melayu juga pendatang ke Singapura

Namun Lee Kuan Yew , Bijak tidak menggunakan kekerasan tidak seperti Yahudi

Beliau tahu akan akibatnya

Sekarang Johor

Sedangkan Orang Melayu Johor tak setanding dengan ekonomi Cina Johor

Di pelawa pula Handalan ekonomist dari China , Kiasuism dari Singapura

Sememangnya mengundang kegugatan pada anak Bumi

Berjimatlah semasa berada

Dah takada apa yg nak di jimatkan

Dah kosong dah ,,,,begitu juga dengan Tanah

Nilaikan ia semasa ada , dah takda baru tahu mana kau duduk nanti

Dengan pembangunan Forest City sudah nampak tertekan nasib anak bumi

Yg biasa Nelayan , membenih Kupang , Kerang di Johor

Sekarang Hasil mereka sudah tercemar

Yg sayang Tuhan kurniakan kita dengan perairan yg ada hasil bumi, yg indah

Kita musnahkan dek kerana nak membangunkan Forest City

Infrastructur akan bercendawan , Anak Bumi akan Berkeliaran

Sebab Anak Bumi tidak mampu juga bukan budaya dan ciri kehidupan orang melayu hidup gaya

Hong Kong , hidup butuhankan Kebendaan

Masuk pula kemudian DAP yang bakal di sokong saudara baru kita  
PAP pula dibelakang DAP

Maka nasib Anak Bumi , UMNO , BERSATU juga tidak ketinggalan  
nasib keturunan Sultan berkemungkinan tergugat dan akan berakhir  
Hanya menunggu masa sahaja



2. [Log in to Reply Karl Iskandar](#) Feb 14, 2017 11:01 AM

### **DrM and Dotted Lines**

SSLEE, as per <http://chedet.cc/?p=2422#comment-137516>

You need not feel offended, since you can speak good Bahasa Malaysia and not guilty like the other Chinese in the news report. Or if you do, for some obscure reasons, perhaps it is better to leave you alone, for you to calmly sort it out respectfully.

Some people are being called out on their shit hypocrisy and are infuriated because they cannot explain. To persist by denying and arguing endlessly is not a way out. You still need to have the guts to understand, and not mix issues like a cocktail drink, just to drown your confusion.

To those local Chinese, they can choose to speak or to unspeak BM since they still get their Malaysian passport because there is a flaw, I mean a Law, the Constitution, that allows for that to happen.

Now, that brings us to DrM's worry about the 700,000 mainland Chinese who would also be roaming around Johor Bahru very soon with Malaysian passport in hand.

Do you see the dots that the visionary DrM sees?

Some people are simply blind, deaf and mute. PBT, as the good doctor says. How can we agree to disagree on this...



3. [Log in to Reply Fariq Islam](#) Feb 14, 2017 9:21 AM

Assalamualaikum, Tun.

Dalam pada Presiden Donald Trump menyeru supaya pelaburan Amerika di luar negeri dialir kembali ke negara mereka, maka haruslah kerajaan kita berbuat demikian untuk mengukuhkan ekonomi.

Satu contoh yang paling ketara dalam soal ini ialah pelaburan FGV di Indonesia, tanpa penglibatan dalam pengurusan ini. Keputusan ini amatlah diragui.

Tak bolehkah pelabur-pelabur tempatan membangunkan Forest City, atau Zon Pembangunan Iskandar? Kenapa harus kita bergantung kepada orang-orang asing? Kita mempunyai begitu banyak syarikat yang disenarai di Bursa Saham, dan Bursa Saham kita merupakan salah satu yang paling besar di Asia!

4.  [Log in to Reply](#) **Chu mat** Feb 14, 2017 9:05 AM

Assalamualaikum,

1. Rakyat negara China, yang kaya semua dari anggota tentera komunis. Mereka yang setia diberi ganjaran. Agar mereka boleh memenuhi polisi penaklukan dunia.
2. Bila 'cash is king', fahaman ideologi tiada perbezaan.
3. Adakah sejarah tahun 1511 (506 tahun) akan berulang ?

Allahu Akbar

5.  [Log in to Reply](#) **rimba.emas** Feb 13, 2017 10:41 PM

Salam Tun.

1. Almarhum ayahanda Rimba Emas bekas anggota Polis dengan nombor 4729. Almarhumah ibu serta 2 orang kakaknya (ibu saudara) juga isteri kepada anggota Polis.
2. Salah seorang bapa saudara pernah Rimba Emas khabarkan telah terkorban di tembak komunis di daerah Johor.
3. Pasti anggota2 Polis seluruh Malaysia juga tidak mudah lupa cerita keganasan komunis salah satunya peristiwa Bukit Kepong.
4. Harap Polis yang menerima report NGO ini tidak mudah terima aduan mereka supaya setuju dengan pendapat mereka yang Tun ceritakan tidak berasas.
5. Betul benda yang belum jadi payah untuk dikatakan berasas. Tetapi sejarah yang berlaku seperti peristiwa keganasan komunis awalnya juga kita tidak ambil peduli sebab tidak pernah terjadi lagi.
6. Bila berlaku barulah kita ambil peduli perkara yang dikatakan tidak berasas pada awalnya.
7. Contoh cerita seperti sebelum kedatangan tentera Jepun menyerang negara kita awalnya telah berkelana seorang pemuda Jepun ke tanah air kita hidup dalam kehidupan harian bekerja membaiki basikal.
8. Tiada siapa yang perasan dirinya adalah seorang perisik bagi pihak tentera Jepun.
9. Begitu juga cerita-cerita sebelum berlaku pertempuran seperti Bukit Kepong berkeliaran anggota komunis menyamar sebagai penduduk awam.
10. Sebagaimana tanda2 sebelum musibah begitu juga sesuatu perkara yang akan berlaku ada perancangan di lakukan demi untuk menjayakan perkara tersebut.
11. Malah pada zaman Rasullullah s.a.w kita kenal seperti nama Khalid al-Walid seorang panglima perang yang penuh ilmu peperangan.

12. Selalunya sebelum peperangan dalam bentuk ketenteraan benar perancangan awal lebih kepada resikan dalam bentuk penyamaran untuk menutup dari di kesan.
13. Pihak Polis pasti lebih arif kerana telah terlatih dalam perkara begini bagi kata bidalan air tenang jangan di sangka tiada buaya.
14. Juga dalam siap siaga pun sependai-pandai tupai melompat akhirnya jatuh ke tanah juga.
15. Kalau di negara Sri Lanka boleh berlaku kepada pihak Polis sebegitu rupa inikan kita memberi tanah kepada rakyatnya.
16. Ingat dalam pra peperangan selalunya bukan dalam bentuk ketenteraan.
17. Siapa sangka awalnya satu bentuk perniagaan akhirnya kita dapat tahu lain pula kejadiannya ?
18. Pengajaran seorang perosak jika melakukan kerosakan dalam disiplin sistem tentera susah untuk kita ambil tindakan kepadanya kembali.
19. Sejarah dalam al-quran sendiri menunjukkan penzalim yang terlalu berkuasa akhirnya hanya dapat di hapuskan dengan pertolongan dari Allah s.w.t.

Wallahua'lam.

6.  [Log in to Reply](#) **RD.** Feb 13, 2017 5:24 PM

Fariq Islam.

Macam mana Rakyat tak mempersoalkan 'Pelaburan China':-

1. Sudah la hutang 1MDB-Najib & Jho Low, keliling pinggang... sebahagian darinya tidak diketahui kemana dibelanjakan. Pada masa yang sama RM2.6 Billion, masuk akaun peribadi Najib dan akaun peribadi Rosmah masuk RM2 Juta.
2. Kleptocracy... atau Rule by Thieves... istilah baru... tidak diketahui sebelum ini, jika bukan kerana scandal 1MDB-Najib & Jho Low, apabila Department of Justice (DoJ) Amerika guna Akta K.A.R.I. (Kleptocracy Asset Recovery Initiative) untuk menyita asset & harta yang dipercayai hasil pengubahan WANG-haram dari 1MDB, syarikat milik Rakyat Malaysia..
3. Bunga atau interest keatas hutang-pokok saja... sudah RM2 Billion setahun. Bagaimana nak cari duit bayar bunga & baki-hutang jika tiada business lain yang menjana pendapatan atau mendatangkan untung, selain dari menjual harta & tanah-pusaka Kerajaan atau Rakyat?

Nota: Itu pun 1MDB masih boros membelanja WANG Rakyat dengan menaja Haji kepada beratus Tok-Tok Imam, setiap tahun... atas alasan... CSR.

4. Demi rasionalisasi Hutang yang tidak rasional... Syarikat Edra Global Energy Bhd, anak syarikat 1MDB, menjual semua asetnya kepada China General Nuclear Power Corp dan anak syarikatnya (CGN Group)... lebih-kurang RM1 Billion dibawah harga belian.

Hasil jualan 60% Bandar Malaysia pula, hanya akan diperolehi pada 2022. Berniaga buloh-kasap apakah ini?

5. Memburukkan lagi keadaan, harga minyak-mentah dunia jatuh, menyebabkan Petronas/Negara hilang hasil kerana penjualan minyak pada kadar rendah.

Pada masa yang sama... Ekonomi dunia meleset dan nilai Ringgit jatuh lebih teruk dari Baht dan Rupiah, akibat persepsi buruk dari scandal 1MDB, yang dikaitkan dengan PM dan berleluasanya kegiatan rasuah dalam agensi-kaitan Kerajaan.

Kemerosotan nilai Ringgit juga menaikkan harga barangan, terutamanya barangan import.

6. Oleh kerana Kerajaan dibawah Najib, yang melantik-diri sebagai Menteri KeWANGAn, kekurangan WANG akibat banyak berhutang dan pembelanjaan boros...

Contohnya... membelanjakan RM7.2 Billion dalam 5 tahun pertama jadi PM untuk bayar Penasihat & Consultant... MatSalleh kaki-botol & berparty-liar pun Najib percaya untuk berinya 'nasihat'.

Akibatnya, GST diperkenalkan untuk recover atau mengembalikan hasil yang hilang itu. Kesannya, Rakyat bertambah di himpit kesempitan hidup kerana GST juga menaikkan harga barangan.

Namun Rakyat yang berpendapatan rendah masih boleh bersyukur. Najib gunakan kaedah 'Cash is King' dan beri... BR1M.

7. Dengan project ECRL (East Coast Rail Line), HSR (High Speed Rail) menghubungkan Singapura & Bandar Malaysia(Bawah-tanah) dan satu hari nanti akan bersambung ke Kunming melalui Thailand, Cambodia & Laos... dan Forest City yang di jual Freehold (Pajakan Kekal selagi ada bulan & bintang) kepada pembeli Rakyat-asing, terutamanya dari China, manakala Rakyat sendiri 1Malaysia, Kerajaan lebih mengutamakan jualan rumah secara Leasehold atau pajakan 99 tahun.

Jual rumah pada Rakyat-Asing secara Freehold atau Pajakan-Kekal.

Kepada Rakyat sendiri, dijual secara Leasehold atau Pajakan-99 tahun.

"Rakyat di Dahulukan"... kepala-b\*\*\*h apa kah ini?



7. [Log in to Reply](#) **eloheem\_42** Feb 13, 2017 2:08 PM

This is something from history i.e. when Britain was ruling the Commonwealth world. The locals shall be outcast in their own land and the price of goods shall go up due to the wealthy community. Surely we are PBT as well as this is taking place.



8. [Log in to Reply](#) **anti rasuah** Feb 13, 2017 9:19 AM

Assalamualaikum Tun.

Setuju dengan Tun tentang isu ini.

Terlalu setuju dengan golongan PBT iaitu Pekak, Buta dan Tuli umpama manusia haprak lagi merugikan masa depan Negara.

Golongan PBT ini bukan sahaja dipekakkan oleh habuan seperti habuan wang ringgit dan habuan berbentuk lainnya oleh Najis Razak, tetapi dibutakan hati mereka dari melihat perkara yang elok hinggakkan tidak mampu melihat yang mana rasional dan sebaliknya. Tuli samalah maksud golongan yang tidak hirau komen dan teguran yang membina untuk kebaikan masa depan Negara.

Golongan PBT ini adalah golongan yang lebih merugikan masa depan negara.

Wassalam.



9. [Log in to Reply](#) **Dave Copper** [Feb 13,2017 8:47 AM](#)

Salam Tun

Tun, you don't have to worry about Forest City anymore.

You don't have to worry about the influx of Chinese anymore.

The mainland Chinese has started a forum complaining and regretting their purchases of Forest City.

Now they realized that many of the promises will not materialize until 20 years later.

Now they realized that the relationship between Forest City and Singapore is not like Shenzhen and Hong Kong.

Forest City does not get the support from Federal Government like Shenzhen being gazette as a special zone by China.

Chinese are not buying Forest City anymore, they are not coming in... they will not stay in Forest City...it will be a ghost town.

As your wish.



10. [Log in to Reply](#) **musato** [Feb 13,2017 7:17 AM](#)

Assalamualaikum Tun.

Mungkin mereka diri sendiri ketakutan, maka untuk menyenangkan hati masing masing terhasillah pelbagai alasan dan bersikap defensif. Lebih lebih lagi yang membuat keputusan adalah PM dan Sultan sendiri. Dua pemimpin besar, persekutuan dan negeri. Bagaimana mungkin salah?

Semalam saya mendengar cerita dari individu yang akan menerima perlantikan watakah dengan Tan Sri Muhyiddin beberapa hari lagi. Boleh dikatakan beliau akan saya ikuti dalam bahagian nanti.

Menarik cerita beliau. Mungkin Tun tak pernah lupa peristiwa di Lot 10 Bukit Bintang pada masa Tun meminda kekebalan raja raja, di mana individu ini telah meletakkan siku di hidung Tun supaya tidak mengganggu ketuanan Melayu.

Sambil minum tea o beliau memperkenalkan diri, yelah nanti kami akan bekerjasama maka elok juga bagi diri masing masing menzahirkan kenapa menjadi sebahagian dari anggota yang menyokong Tun Mahathir.

Bagi diri saya, saya memperkenalkan diri sebagai sebahagian dari orang yang mempunyai darah alim ulama dari Terengganu iaitu Tokku Paloh dan Tok Pulau Manis ; orang yang bertasawuf dan bertarekat.

Atau dengan lebih mudah, mungkin saya perlu katakan saya adalah penasihat Tun Mahathir. Malah saya fikir pandangan saya dalam isu 1MDB dan Najib ini masih tidak lari dari apa yang saya tegaskan sebelum Tun mulakan langkah membongkar isu ini – cuma untuk memperkenalkan diri.

Individu ini meletakkan siku di hidung Tun? Dan beliau menzahirkan bahawa Tun juga adalah seorang sufi?

Sesungguhnya Allah swt itu Maha Besar. Maha Mendengar dan Maha Mengetahui.

Terima kasih Tun.



11. [Log in to Reply](#) **toklebai** Feb 13, 2017 7:07 AM

Assalamualaikum

Kenapa kita masih memerlukan pelabur asing sedangkan syarikat kita sebelum ini telah membeli syarikat dari luar.

Saya rasa syarikat dalam negara mampu utk melabur dalam negara dan projek forestry itu

Duit dalam negara senang utk diusik dan duit luar cuba utk diambil.

Pelabur terutamanya dari negara tersebut tidak akan menggajikan pekerja tempatan utk jawatan tertinggi mereka. Negara tersebut lebih ego daripada negara besar yang lain.

PRU kali ini tiada undi utk mereka yg hy pandai janji manis.



12. [Log in to Reply](#) **Sri Sense** Feb 13, 2017 6:06 AM

Salam Tun

Harap Tun berdua sihat.

Dah lama tak lawat Tun disini. Sibuk sikit. Ada dengar kawan sebut tentang ini semalam, katanya dulu kita perang dengan komunis guna senjata tapi sekarang negara kita di jual pada komunis kerana nak duit.

Report merepot polis hal2 berkaitan dengan apa Tun cakap, pada saya tak penting langsung, tambahan kalau dah jelas keluar dalam Bloomberg. Lagipun ini kan negara demokrasi bukan negara komunis.

Mungkin penting untuk pihak tertentu untuk isi agenda seperti aku buat kerja jangan engkau ingat aku tak buat kerja. Mungkin juga mereka ini tidak membaca kerana terlalu sibuk dengan budaya mengampu.

13.  [Log in to Reply Lanun Johor](#) Feb 12, 2017 10:52 PM

Di Malaysia sekarang, kebenaran bukan sahaja ditakuti malah kita mungkin akan ditangkap – atas dasar SOCCMA etc.

Ya ALLAH swt, cepatkanlah pilihanraya umum Malaysia !

Berilah kemenangan kepada parti yang ikhlas & benar-benar ingin membantu rakyat dan dapat memimpin negara ini dengan adil dan saksama.

Kembalikanlah kuasa Sultan-sultan (yang juga ketua-ketua agama Negeri) di Tanah Melayu / Malaysia ini.

Ya ALLAH murahkanlah rezeki kami dan mudahkanlah urusan dunia kami.

Ameen

14.  [Log in to Reply Fariq Islam](#) Feb 12, 2017 10:03 PM

Assalamualaikum, Tun.

NGO-NGO di Malaysia tidaklah memainkan peranan sepertimana yang diharapkan, kerana kebanyakannya menerima sokongan kewangan daripada pihak-pihak tertentu. NGO-NGO ini mempunyai "tuan" masing-masing.

Apabila soal Forest City ini dibangkitkan, terlintas dalam pemikiran ramai, bahawa kewarganegaraan diberi kepada kaum Sulu di Sabah dulu, demi undi kepada parti-parti tertentu. Maafkan, sekiranya saya meluahkan sepatah dua pendapat tentang apa yang berlaku ke atas Forest City berbanding dengan Projek IC Sabah, di mana Projek IC Sabah merupakan pengkhianatan yang jauh lebih serius.

Dalam pada Amerika giat mengutuk dunia Islam dan menghina umat, negeri China tidak berbuat demikian malah bersahabat dengan negara-negara Islam. Kenapa pula nak memperisukan pelaburan mereka?

© 2017 Chedet — All Rights Reserved.

Source: <http://chedet.cc/?p=2431>